



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 07 November 2024.

**Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

| BIL | PERKARA  | SUMBER  | SENTIMEN |
|-----|--|---|----------|
| 1.  | <b>Perceraian: LPPKN Sedia Kaunseling</b><br><a href="https://www.wilayahku.com.my/perceraian-lppkn-sedia-kaunseling/#google_vignette">https://www.wilayahku.com.my/perceraian-lppkn-sedia-kaunseling/#google_vignette</a>   | Wilayahku   | Neutral  |
| 2.  | <b>21 Warga Emas Ditinggal Di Tepi Jalan, Diberi Penempatan Baharu</b><br><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/21-warga-emas-ditinggal-di-tepi-jalan-diberi-penempatan-baharu/">https://www.buletintv3.my/nasional/21-warga-emas-ditinggal-di-tepi-jalan-diberi-penempatan-baharu/</a><br><a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/245494/abandoned-old-folks-find-new-homes/">https://www.dailyexpress.com.my/news/245494/abandoned-old-folks-find-new-homes/</a><br><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/11/06/abandoned-old-folks-found-new-homes/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/11/06/abandoned-old-folks-found-new-homes/</a><br><a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/11/1130403/21-elderly-residents-left-streets-safely-re-homed">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/11/1130403/21-elderly-residents-left-streets-safely-re-homed</a><br><a href="https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/11/1320393/21-warga-emas-ditinggal-di-jalanan-dapat-penempatan-baharu">https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/11/1320393/21-warga-emas-ditinggal-di-jalanan-dapat-penempatan-baharu</a><br><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/695049/edisi/utara/jkm-beri-perlindungan-kepada-21-warga-emas-ditinggalkan-depan-pejabat-ngo#google_vignette">https://www.sinarharian.com.my/article/695049/edisi/utara/jkm-beri-perlindungan-kepada-21-warga-emas-ditinggalkan-depan-pejabat-ngo#google_vignette</a> | Buletin TV3<br>Daily Express<br>FMT<br>NST<br>Berita Harian<br>Sinar Harian | Neutral  |

|    |  |  |         |
|----|--|--|---------|
|    | <a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/11/06/abandoned-elderly-folks-rescued-by-social-welfare-dept-and-private-care-home">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/11/06/abandoned-elderly-folks-rescued-by-social-welfare-dept-and-private-care-home</a><br><br><a href="https://www.msn.com/en-my/news/national/abandoned-old-folks-find-new-homes/ar-AA1tAKxG">https://www.msn.com/en-my/news/national/abandoned-old-folks-find-new-homes/ar-AA1tAKxG</a><br><br><a href="https://worldofbuzz.com/21-old-oku-folks-abandoned-at-ngo-office-in-penang-after-they-were-found-chained-up-in-a-hut/">https://worldofbuzz.com/21-old-oku-folks-abandoned-at-ngo-office-in-penang-after-they-were-found-chained-up-in-a-hut/</a>  | <p>The Star</p> <p>MSN</p> <p>World Of Buzz</p>  |         |
| 3. | <p><b>JKM Sita Taska Haram Abai Aspek Keselamatan</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/695092/edisi/melakans/jkm-sita-taska-haram-abai-aspek-keselamatan">https://www.sinarharian.com.my/article/695092/edisi/melakans/jkm-sita-taska-haram-abai-aspek-keselamatan</a></p> <p><a href="https://www.melakahariini.my/taska-beroperasi-secara-haram-disita-jkm-melaka/">https://www.melakahariini.my/taska-beroperasi-secara-haram-disita-jkm-melaka/</a></p> <p><a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/taska-pusat-jagaan-tidak-berdaftar-dalam-pemerhatian-jkm">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/taska-pusat-jagaan-tidak-berdaftar-dalam-pemerhatian-jkm</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=ECr2vn_jLY4">https://www.youtube.com/watch?v=ECr2vn_jLY4</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=rBujATnjADU">https://www.youtube.com/watch?v=rBujATnjADU</a></p> <p><a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/11/06/over-10-unregistered-childcare-centres-under-jkm-surveillance-in-melaka">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/11/06/over-10-unregistered-childcare-centres-under-jkm-surveillance-in-melaka</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/11/06/taska-di-batu-berendam-perangkap-nyawa-lebih-10-premis-lain-akan-disita/">https://malaysiagazette.com/2024/11/06/taska-di-batu-berendam-perangkap-nyawa-lebih-10-premis-lain-akan-disita/</a></p> | <p>Sinar Harian</p> <p>Melaka Hari Ini</p> <p>Berita RTM</p> <p>The Star</p> <p>Sinar Harian</p> <p>The Star</p> <p>Malaysia Gazette</p> | Neutral |
| 4. | <p><b>JKM Cari Waris Rose Amanda</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1152080/jkm-cari-waris-rose-amanda">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1152080/jkm-cari-waris-rose-amanda</a></p>  | <p>Harian Metro</p>  | Neutral |
| 5. | <p><b>JKM Pahang Hantar Lebih 244 Tan Makanan Kering Ke Pangkalan Hadapan</b></p>  |  | Neutral |

|    |  |  |         |
|----|--|--|---------|
|    | <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1152128/jkm-pahang-hantar-lebih-244-tan-makanan-kering-ke-pangkalan-hadapan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1152128/jkm-pahang-hantar-lebih-244-tan-makanan-kering-ke-pangkalan-hadapan</a><br><br><a href="https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/11/06/jkm-pahang-terima-rm10-juta-hadapi-monsun-timur-laut/">https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/11/06/jkm-pahang-terima-rm10-juta-hadapi-monsun-timur-laut/</a><br><br><a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2360264">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2360264</a>  | Harian Metro<br><br>MKN<br><br>Bernama                   |         |
| 6. | <b>Budak Setahun Perlu RM100,000 Pembedahan Jantung</b><br><br><a href="https://malaysiagazette.com/2024/11/06/budak-setahun-perlu-rm100000-pembedahan-jantung/">https://malaysiagazette.com/2024/11/06/budak-setahun-perlu-rm100000-pembedahan-jantung/</a><br><br><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1151975/bayi-alami-masalah-jantung-perlu-bantuan-segera">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1151975/bayi-alami-masalah-jantung-perlu-bantuan-segera</a><br><br><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/695022/edisi/utara/muhammad-eusoff-perlukan-rm100000-untuk-pembedahan-jantung">https://www.sinarharian.com.my/article/695022/edisi/utara/muhammad-eusoff-perlukan-rm100000-untuk-pembedahan-jantung</a> | Malaysia Gazette<br><br>Harian Metro<br><br>Sinar Harian | Neutral |
| 7. | <b>Terjun Tingkap Selamat Diri, OKU Melecur Dalam Kebakaran</b><br><br><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/06/terjun-tingkap-selamat-diri-oku-melecur-dalam-kebakaran/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/06/terjun-tingkap-selamat-diri-oku-melecur-dalam-kebakaran/</a>   | FMT  | Neutral |

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## PERCERAIAN: LPPKN SEDIA KAUNSELING

MALAYSIA mencatatkan kadar perceraian yang tinggi dalam kalangan keluarga muda atau perkahwinan di bawah usia 10 tahun.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, mengambil kira kadar perceraian dalam kalangan perkahwinan muda yang tinggi, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN) membangunkan program tambahan.

“Ia adalah SMARTSTART 2nd Honeymoon, iaitu program bagi memperkasa perkahwinan khusus kepada pasangan dengan usia perkahwinan lima tahun ke atas,” katanya.

Mengulas lanjut, Nancy berkata dalam usaha memperkasa institusi keluarga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui LPPKN telah memperkenalkan program bersesuaian di pelbagai fasa perkahwinan iaitu dari sebelum dan di awal perkahwinan serta seiring perkembangan keluarga.

“Bagi pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga, kursus praperkahwinan yang ditawarkan LPPKN menasaskan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada peserta mengenai persediaan sebelum melangkah ke alam perkahwinan.

“Manakala untuk pasangan yang baru mendirikan rumah tangga, LPPKN turut menyediakan perkhidmatan berhubung perancangan keluarga dan buat pasangan yang menghadapi masalah mendapatkan anak, LPPKN menawarkan perkhidmatan rawatan kesuburan,” katanya.

Tambahnya bagi golongan ibu muda pula, LPPKN menyediakan perkhidmatan penjagaan ibu selepas bersalin, MamaCare, bertujuan membantu pemulihan kesihatan mereka untuk kembali aktif termasuk kembali bekerja.

“Kita juga menawarkan program keibubapaan anak kecil, khususnya untuk membantu mereka yang kali pertama menjadi ibu bapa dalam memberi pengetahuan dan kemahiran sewajarnya.

“Kita mengetahui adat dalam perkahwinan, pasangan kadang kala mungkin berhadapan dengan pelbagai dugaan dan memerlukan khidmat sokongan keluarga, justeru LPPKN turut menyediakan khidmat kaunseling perkahwinan bagi membantu pasangan menangani konflik dan krisis rumah tangga.

“Konflik dan cabaran dalam keluarga boleh meningkat seiring perkembangan keluarga dan dalam hal ini, bagi pasangan dwi kerjaya, LPPKN turut menawarkan Kursus Keluarga@Kerja bagi membantu mereka mengimbangi keluarga dan kerjaya.

“Antara tumpuan program ini adalah gaya keibubapaan kreatif, pengurusan tekanan dan pengurusan konflik interpersonal,” ujar beliau.

Nancy berkata setiap program disediakan untuk pelbagai fasa perkahwinan itu bertujuan membantu pasangan melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan, ilmu, amalan terbaik, perkongsian tip dan menggalakkan sikap keterbukaan dan jujur terhadap diri dan pasangan dalam setiap fasa.

“Bagaimanapun, kebahagiaan dan kesejahteraan sesebuah perkahwinan tetap bergantung kepada peranan dimainkan pasangan itu sendiri.

“KPWKM melalui agensinya, LPPKN akan terus komited meneruskan agenda pemerkasaan institusi perkahwinan dan keluarga menerusi pelaksanaan pelbagai inisiatif ke arah pembentukan keluarga yang harmoni dan sejahtera selaras acuan masyarakat Malaysia MADANI,” katanya. – WILAYAHKU

## **21 WARGA EMAS DITINGGAL DI TEPI JALAN, DIBERI PENEMPATAN BAHARU**



FOTO: Ihsan Yayasan Malaysian Tamilar Kural

GEORGETOWN: Semua 21 warga emas dari sebuah rumah penjagaan di Padang Serai, Kedah, yang ditinggalkan di luar pejabat Malaysian Tamilar Kural di Inderawasih, Prai tengah hari semalam, sudah ditempatkan semula di rumah perlindungan lain.

Pengasas dan pemegang amanah Yayasan Malaysian Tamilar Kural, David Marshel, berkata lapan daripada mereka telah diterima oleh Rumah Kasih Sayang di Kulim, sebuah kemudahan persendirian.

Baki 13 lagi telah dipindahkan ke Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang.

Beliau juga menyatakan bahawa tiga daripada mereka yang mengalami masalah kesihatan mental akan diuruskan oleh Jabatan Kesihatan Pulau Pinang, menurut maklumat daripada pejabat Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Negeri.

Semua warga emas yang ditinggalkan di luar pejabat Malaysian Tamilar Kural sekitar jam 12.30 tengah hari semalam telah ditempatkan semula di rumah perlindungan pada pukul 10 malam tadi.

“Bagi pihak Yayasan Malaysian Tamilar Kural, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga



dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sosial dan Kebajikan Negeri, Lim Siew Khim, dan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Negeri, Daniel Gooi, atas arahan mereka kepada jabatan berkaitan untuk mengambil tindakan segera dalam hal ini.

“Saya menggesa pihak berkuasa untuk menyiasat individu yang meletakkan semua warga emas dalam keadaan yang menyedihkan dan diabaikan ini.

“Saya percaya tindakan akan diambil mengikut undang-undang terhadap individu yang bertanggungjawab,” katanya hari ini.

Sebelum ini dilaporkan 21 warga emas dari sebuah rumah penjagaan di Padang Serai, Kedah, ditinggalkan di luar pejabat Malaysian Tamar Kural di Inderawasih, Prai, semalam, mencetuskan kemarahan.

Penasihat Yayasan Malaysian Tamar Kural, M Satees, percaya bahawa tindakan meninggalkan mereka berlaku selepas video pengabaian mereka tular, sewaktu lawatan mereka ke sana pada hujung minggu lalu.

Katanya, dalam lawatan itu, mereka menyaksikan beberapa penghuni yang mengalami masalah kesihatan mental dan dirantai.

Mereka segera menggunakan media sosial untuk menarik perhatian kepada layanan tidak berperikemanusiaan ini dan menuntut penjelasan daripada pihak berkuasa, termasuk Kementerian Kesihatan.

Jelasnya, David berkata rumah penjagaan tidak berlesen itu telah dirampas oleh Jabatan Kebajikan Kedah pada April tahun ini selepas video seorang penghuni warga emas dipukul oleh seorang penjaga di kemudahan itu menjadi viral.

Bagaimanapun, katanya, pengendali tidak menyerahkan semua penghuni kepada Jabatan Kebajikan dan sebaliknya memindahkan mereka ke sebuah pondok di ladang sawit di Sungai Karangan, Kedah.

Katanya, lokasi itu kekurangan kemudahan asas, dan tiada penjaga atau jururawat untuk menjaga penghuni.

Beliau juga berkata keadaan di sana sangat daif dengan bau yang busuk, menjadikannya sama sekali tidak sesuai untuk didiami sesiapa pun.

Katanya, beberapa penghuni didapati dirantai di pondok tersebut, dipercayai disebabkan masalah kesihatan mental.

## JKM SITA TASKA HARAM ABAI ASPEK KESELAMATAN



Halyjah (dua,kanan) mengunci taska haram yang beroperasi di Batu Berendam di sini, pada Rabu.

MELAKA - Pagar tidak berkunci selain kawasan luar tidak terurus hingga menjadi sarang kerengga dan haiwan berbisa antara faktor sebuah taman asuhan kanak-kanak (taska) haram di Batu Berendam disita oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di sini, pada Rabu.

Tinjauan mendapati bukan sahaja keadaan persekitaran bersemak malah terdapat lubang pembentungan yang tidak bertutup sekali gus mengundang bahaya kepada warga taska yang terdiri daripada 14 bayi dan kanak-kanak.



Lubang pembentungan yang tidak bertutup dalam kawasan taska tersebut.

Pengarah JKM Melaka, Halyjah Muhammad berkata, tindakan menutup operasi ini kerana taska yang telah lebih dua tahun beroperasi itu tidak berdaftar dengan pihaknya biarpun amaran secara lisan telah diberikan kepada pengusaha taska terbabit pada Ogos lalu.





Halyjah

Menurutnya, kewujudan taska yang tidak berdaftar seperti ini juga disebabkan adanya permintaan dalam kalangan ibu bapa yang berdegil dan sanggup mengambil risiko menghantar anak mereka ke tempat yang kurang aspek keselamatan dan kebersihan.

Malah katanya, taska terbabit bukan sahaja menempatkan bayi dan kanak-kanak berusia bawah empat tahun malah turut dijadikan transit murid sekolah berdekatan.

"JKM terpaksa mengambil tindakan Lak (notis sita) dan berikan notis kepada pengusaha kerana melakukan kesalahan mengikut Akta Taman Asuhan Kanak-1984 dan Peraturan Taman Asuhan Kanak2-kanak 2012.

"Jadi saya mohonlah ibu bapa, jangan adakan permintaan-permintaan begini sebab kalau ada permintaan daripada ibu bapa taska begini akan tumbuh lebih banyak lagi," katanya kepada pemberita selepas operasi Lak di Batu Berendam di sini, pada Rabu.



Keadaan persekitaran yang tidak terurus dan pintu belakang tidak berkunci.

Tambahnya, terdapat lebih 10 lagi taska serta pusat jagaan haram yang akan disita sepanjang bulan ini. dan pihaknya JKM akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk mengenakan tindakan terhadap pengusaha perniagaan yang mengambil ringan.

Jelasnya, antara alasan diberikan pengusaha degil dan tamak ini adalah kerana mereka tidak nampak risiko dan sebarang tindakan tegas yang boleh dikenakan terhadap mereka.



Penguat kuasa JKM memasang pita sita dipintu premis taska berkenaan.

"Antara alasan lain mereka dakwa dikenakan kos tinggi untuk pendaftaran dengan agensi-agensi berkaitan selain bayaran kepada perunding sedangkan isu itu tidak sepatutnya timbul kerana mereka menjalankan perniagaan," katanya lagi.

## **JKM CARI WARIS ROSE AMANDA**



BAYI perempuan ditinggalkan di sebuah peti perlindungan di sebuah rumah kebajikan di bandar raya ini. FOTO ihsan JKM

Johor Bahru: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengesan waris atau ahli keluarga kepada bayi perempuan diberi nama Rose Amanda bagi urusan dokumentasi.

Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Johor Bahru, Norhafizah Ahmad berkata, bayi itu ditemukan dalam peti perlindungan bayi di sebuah rumah kebajikan, di sini, pada 29 September lalu.

Menurutnya, bayi berkenaan dipercayai baharu dilahirkan ditinggalkan dalam keadaan tidak berpakaian dengan tali pusatnya dikatakan dipotong sendiri ketika kelahirannya.

"Tiada sebarang nota atau dokumen kelahiran ditinggalkan bersama sebelum bayi berkenaan dibawa ke Hospital Sultanah Aminah (HSA) untuk diberikan

"Bayi berkenaan ditempatkan di sebuah rumah kebajikan selepas dibenarkan keluar dari hospital pada 24 Oktober lalu dan tiada tuntutan dibuat mana-mana pihak sepanjang dirawat," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Menurutnya, bayi berusia kira-kira 40 hari berkenaan dalam keadaan sihat dan JKM sedang mengesan warisnya untuk urusan masa depannya.

Katanya, orang ramai yang mempunyai maklumat diminta menghubungi Pelindung Kanak-Kanak, Nur Ainie Amera Mohd Kia di talian 07-2232606, 07-2232607 atau 014-8419358.

## **JKM PAHANG HANTAR LEBIH 244 TAN MAKANAN KERING KE PANGKALAN HADAPAN**



KHAIRUL Amri (dua dari kiri), meninjau stok bekalan makanan dan barangan keperluan asas di Depoh Simpanan Keperluan Bencana Negeri Pahang hari ini. FOTO Bernama.

Kuantan: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang menghantar lebih 224 tan makanan kering ke 165 pangkalan hadapan di seluruh negeri ini sebagai persediaan menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) atau musim tengkujuh.

Pengarahnya Khairul Amri Ahmad berkata agihan makanan kering melibatkan perbelanjaan RM3.3 juta itu boleh menampung keperluan selama tiga hingga 14 hari bergantung kepada lokasi pangkalan hadapan.

"Misalnya, bagi kawasan yang dijangka terputus hubungan seperti Pulau Tioman di Rompin, tempoh kegunaan barang yang dihantar untuk 10 hari manakala bagi kawasan Ulu Tembeling di Jerantut bekalan yang dihantar adalah untuk 14 hari," katanya ketika dihubungi Bernama.

Pangkalan hadapan merupakan tempat bagi menyimpan makanan kering yang diagihkan iaitu beras, gula, kari ayam, sardin, kopi, teh, garam, biskut dan minyak masak dengan Kuantan mempunyai 19 lokasi, Maran (12), Temerloh (33), Bera (12), Jerantut (19), Lipis (18), Raub (11), Bentong (lapan) serta Cameron Highlands (tiga) selain Pekan dan Rompin masing-masing 15.

Selain bantuan bekalan makanan, beliau berkata JKM juga telah membuat agihan bekalan barangan asas lain ke semua stor bencana daerah antaranya tikar, selimut, tuala mandi, lampin pakai buang dewasa, kain batik dan pelekat, kit kebersihan, kit makanan dan minuman ringan serta makanan sedia untuk dimakan.

Sementara itu, Khairul Amri memaklumkan pihaknya telah melaksanakan tiga siri Bengkel Pemantapan Pengurusan Bencana melibatkan kakitangan JKM negeri dan daerah serta penyelarasa bencana daerah bagi persiapan ilmu pengetahuan, mental dan fizikal menghadapi MTL.

"Selain itu, JKM juga membuat dua Siri Latihan Simulasi Pengurusan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) kepada pengerusi PPS yang terdiri daripada guru, ketua kampung, penghulu dan agensi bencana yang terlibat," katanya dan menambah sebanyak 861 PPS didaftarkan bagi menempatkan mangsa banjir di Pahang.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Dr Mohd Hisham Mohd Anip memaklumkan musim tengkujuh di Malaysia bermula semalam dan berterusan hingga Mac tahun depan.

Dalam tempoh berkenaan lima hingga tujuh episod hujan lebat dijangka berlaku di Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Sarawak dan Sabah.